

**Isyarat rakyat mahu perubahan
Utusan Online
19 Januari, 2013**

BACHOK 18 Jan. - Isyarat kebangkitan rakyat di Kelantan untuk melihat perubahan berlaku di negeri ini dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 semakin jelas.

Perkara itu terbukti dengan setiap program turun padang pemimpin UMNO negeri dan Pusat di seluruh negeri ini mendapat sambutan hebat daripada rakyat.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, perkembangan itu sangat baik dan berbeza dengan sambutan yang diterima suatu ketika dahulu.

"Saya sangat gembira dengan sambutan yang menggalakkan dan jauh lebih baik berbanding dahulu apabila kita mengadakan sesuatu program.

"Situasi ini merupakan petanda sangat baik sekali gus memberi semangat kepada jentera parti untuk terus bekerja keras. Dengan kerja kuat ini kita akan terus mara ke hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Jamuan Rakyat bersama penduduk setempat di Masjid Mahmudi di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Kelantan Ahad ini sangat penting untuk menyuntik semangat kepada ahli dan jentera parti menjelang pilihan raya umum akan datang.

Katanya, selain itu kunjungan Najib juga bakal meniup semangat rakyat negeri ini yang sangat dahagakan perubahan.

"Rakyat Kelantan ramai yang berminat dengan program transformasi dan mengikuti dengan teliti apa yang dilakukan kerajaan di seluruh negara.

"Rakyat juga mahu berubah dan menukar selera dalam pilihan raya akan datang. Mereka mahu menukar kerajaan sedia ada dan mahu bersama Perdana Menteri melaksanakan transformasi," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130119/px_04/Isyarat-rakyat-mahu-perubahan